

# Jangan diskriminasi wanita

Kaji punca ramai remaja lelaki gagal layak ke IPT boleh bantu selesai masalah kekurangan guru



Fadzlina Jafar

**C**ADANGAN untuk melonggarkan syarat kemasukan bagi membolehkan lebih ramai lelaki menyertai bidang perguruan menimbulkan 'kemarahan' di kalangan wanita di negara ini. Ramai yang melihat cadangan itu tidak wajar kerana jika wanita hendak memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk kursus perguruan mereka perlu belajar bersungguh-sungguh, tetapi lelaki pula tidak perlu bersusah payah bagi merebut tempat ke menara gading.

Begitu pun, bagi mengelakkan kelayakan dimiliki guru lelaki dipersoalkan, cadangan itu turut memperhalusi kaedah dicadangkan termasuk mengusulkan tempoh kursus yang perlu dihadiri mungkin akan dilanjutkan atau ditambah dengan harapan apabila keluar kelak, guru berkenaan benar-benar memiliki ilmu bersesuaian.

Sekurang-kurangnya, cadangan itu menyejukkan amarah wanita kerana sama ada suka atau tidak, kita akui kehadiran guru lelaki amat penting dalam memastikan sistem persekolahan hari ini dapat dilaksanakan dengan jaya. Pelbagai gejala sosial membabitkan remaja hari ini khususnya di sekolah dikatakan berpunca daripada 'kelemahan' pengurusan sekolah.

Ada sekolah yang hanya mempunyai lima guru lelaki daripada 100 kakitangan pendidik, malah khabarnya ada sekolah yang hanya mempunyai seorang guru lelaki. Kehadiran terlalu ramai guru wanita bukan tidak baik untuk pengurusan, tetapi sikap mereka yang lembut menyebabkan kanak-kanak hari ini tidak gentar untuk melanggar disiplin sekolah.

Bayangkan apabila ada pelajar bergaduh, sudah tentu guru wanita tidak berani meleraikan pergaduhan berkenaan, walaupun sekadar membabitkan pelajar belasan tahun. Kudrat guru wanita belum tentu dapat mengatasi pelajarannya itu, apa yang mereka boleh lakukan mungkin hanya menjerit meminta pergaduhan dihentikan. Tetapi, jika ada guru lelaki, sekali jerit saja mungkin timbul rasa cuak di kalangan pelajar.

Benar, tugas mendidik anak bukan terletak di bahu guru, sebaliknya ibu bapa sewajarnya lebih berperanan dalam memastikan anak mereka membesar dengan tingkah laku terpuji. Tetapi kita juga harus menerima hakikat bahawa perkembangan kanak-kanak bukan hanya di rumah, kerana

sebahagian besar kehidupan mereka turut membabitkan persekitaran di sekolah dengan pengaruh rakan turut memainkan peranan penting.

Ada kanak-kanak yang sikapnya di rumah cukup baik, bak kata orang pijak semut pun tidak mati, tetapi apabila di luar khususnya di sekolah, merekalah raja segala raja. Justeru, penerapan disiplin bukan saja perlu dilakukan di rumah, bahkan sekolah juga perlu menyediakan persekitaran kondusif dengan tahap disiplin tinggi bagi memastikan si kecil tidak tersasar.

Pada masa sama, kita juga perlu melihat satu lagi aspek yang lebih penting iaitu mengenal pasti masalah kekurangan guru lelaki pada peringkat asas yang bermula dari sekolah lagi. Kita lihat hari ini jumlah kemasukan ke IPT lebih berpihak kepada wanita dengan nisbah 60 peratus pelajar perempuan berbanding 40 peratus lelaki.

Senario ini yang dikesan mula berlaku sejak 1980-an tidak diberi perhatian sewajarnya sehingga hari ini wujud ketidakeimbangan dalam bidang kerjaya. Ada yang mengangap senario itu berlaku kerana jumlah populasi wanita yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan lelaki. Bagaimanapun, sumber daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan jumlah lelaki masih lebih ramai berbanding wanita dengan nisbah 50.1 peratus lelaki dan 49.9 peratus wanita.

Sehubungan itu, ada wajarnya jika pihak tertentu memberi tumpuan kepada peringkat asas lagi terutama di kalangan kanak-kanak dan remaja lelaki untuk mengenal pasti mengapa jumlah kemasukan di IPT hari ini tidak seimbang.

Jika dikaji, pencapaian mengikut jantina di sekolah sama ada sekolah rendah mahupun menengah adalah seimbang, malah pencapaian keseluruhan pelajar lelaki adalah lebih baik berbanding pelajar perempuan terutama pada peringkat sekolah menengah.

Malangnya, antara tempoh persekolahan dan kemasukan ke IPT berlaku 'sesuatu' yang menyebabkan ramai pelajar lelaki keciciran. Beberapa kajian yang dijalankan mendapati ansir luar seperti pembabitangan ketagihan dadah, jenayah dan gejala sosial menyebabkan pelajar lelaki terkandas di tengah jalan walaupun kebanyakannya mempunyai kebijaksanaan yang sewajarnya.

Malah, jika kita lihat gejala sosial hari ini banyak membabitkan remaja lelaki seperti rempit, lepak dan khususnya dadah, sehingga ada kata-kata jenaka

yang cuba merungkai persoalan mengapa lebih ramai wanita di IPT hari ini, 'lelaki kurang kerana kebanyakannya berada di pusat sehenti'. Sinis kata-kata berkenaan, tetapi mungkin boleh difikirkan dengan mendalam maksudnya.

Lebih-lebih lagi hari ini pelbagai isu yang mempertikaikan

peranan dan tanggungjawab lelaki hangat diperkatakan. Antaranya, fungsi bapa yang semakin lemah sehingga sanggup merosakkan masa depan anak sendiri, sama ada bapa haruan mahupun bapa yang meringgirkan anak daripada perkahwinan pertama selepas mempunyai keluarga baru.

Mungkin juga apa yang berlaku hari ini berpunca daripada kelemahan lelaki yang gagal menjalankan tanggungjawab sebagai ketua keluarga sehingga kitaran kemusnahan itu terus berlaku pada hari ini.

**Selamat Hari Bapa!**

[fadzlina@bharian.com.my](mailto:fadzlena@bharian.com.my)